

Pekerja asing pulang, majikan bebas tindakan

BH 1 1 SEP 2002

BANGI, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak berhasrat untuk mengenakan tindakan ke atas majikan tempatan yang pernah mengambil pekerja asing secara haram memandangkan pendaftar itu sudah pulang ke negara asal mereka.

“Kita tidak mengambil tindakan terhadap mereka dulu ketika mereka (pekerja asing secara haram) masih berada di sini, jadi kita tidak boleh mengambil tindakan sekarang.

“Kini, kerajaan mahu memastikan industri pembinaan berjalan lancar dan

pekerja asing yang mahu bekerja di negara ini hanya boleh datang melalui cara sah dengan mematuhi segala prosedur undang-undang,” kata Perdana Menteri selepas merasmikan Institut Malaysia Perancis (MFI), di sini hari ini.

Ditanya sama ada majikan memaksa kerajaan mengubah semula keputusan mengenai pengambilan buruh asing, Dr Mahathir berkata: “Bukan untuk mengubah semula, jika mereka (majikan) mahu mengambil (buruh asing), mereka mesti mengambil hanya pekerja asing yang datang secara sah saja, jadi me-

reka perlu membayar (levi).

“Jika kita mengenakan tindakan terhadap majikan, kita bertindak terhadap diri kita sendiri, yang hanya menyusahkan kerajaan industri pembinaan negara tidak akan bergerak,” katanya.

Sebelum ini, Malaysia menetapkan tarikh 31 Julai lalu sebagai tarikh akhir untuk pendaftar tanpa izin meninggalkan negara ini secara sukarela atau menghadapi hukuman rotan dan penjara jika gagal berbuat demikian.

Ia dibuat berdasarkan penguatkuasaan Akta Imigrasi 1959/63 (Pindaan

2002) yang mengenakan hukuman penjara dan sebat mandatori ke atas mereka.

Peluang pengampunan yang diberikan oleh kerajaan itu dimanfaatkan sebilangan besar pendaftar tanpa izin yang bekerja di negara ini untuk pulang ke tanah air masing-masing.

Sebelum 31 Julai, dianggarkan dua juta rakyat asing datang secara haram ke negara ini, rata-rata bertumpu di kawasan yang mudah menawarkan pekerjaan, khususnya di Kuala Lumpur serta bandar besar lain di Semenanjung.